



**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)
DI MAJLIS IKRAR PELAJAR BARU DAN MINGGU PENUTUP
SILATURRAHIM 2018/2019**

**PADA : 26 JUN 2018
MASA : 12.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN TUANKU PERMAISURI
HAJAH HAMINAH**

TEKS UCAPAN
REKTOR
MAJLIS IKRAR PELAJAR BARU DAN PENUTUP MINGGU
SILATURRAHIM 2018
INTAKE JUN SESI 2018/2019

26 Jun 2018 | 12.00 pagi
Dewan Permaisuri Tuanku Hajah Haminah (DTPHH)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM.

**ALHAMDULILLAHI RABBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA
RASULILLAHI WA SOHBIHI AJMAI'IN.**

ASSALAMUALAIKUM W.B.T,

[Salurtasi]

YBhg. Prof. Dr Mohamad bin Abdul Hamid
Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa)

YBhg. Dr Wan Nazjmi bin Mohamed Fisol
Menjalankan tugas Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar & Alumni,

YBhg. Tuan Haji Syed Isa bin Syed Ibrahim
Timbalan Rektor Pembangunan, Korporat & Jaringan Industri

YBhg. Tuan Haji Abdullah Bin Hashim
Pendaftar

YBhg. Encik Mohd Zamri Bin Shahdan
Bendahari

YBhg. Profesor-Profesor Universiti,

Ahli-ahli Senat & Ketua-Ketua Jabatan,

Pegawai-pegawai akademik dan pentadbiran,

Dan seterusnya pelajar-pelajar baru Kemasukan Jun Sesi 2018/2019
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
(UniSHAMS) yang di kasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Taala, Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah rahmat dan izinnya, maka kita dapat bertemu dalam **Majlis Penutup Minggu Silaturrahim Sesi Jun 2018/2019** pada pagi yang penuh barakah ini.

Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, saya ingin mengucapkan "**Selamat Datang, Ahlan Wa Sahlan**" kepada seramai hampir 940 orang (46 = Postgraduate, 886 Ungergraduate) pelajar baru yang telah mendaftar dan menjadi warga UniSHAMS bagi meneruskan pengajian di UniSHAMS.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah kerana saudara dan saudari sekalian kerana telah berjaya terpilih untuk memasuki UniSHAMS, kerana disinilah pelajar-pelajar akan menimba ilmu pengetahuan dan membentuk keperibadian diri untuk menghadapi cabaran yang mendatang.

***Saudara dan saudari,
mahasiswa dan mahasiswi yang dikasihi sekalian,***

Syukur kehadiran Allah S.W.T, Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) telah berjaya dinaiktaraf kepada universiti penuh dengan nama **Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)** pada 5 Februari 2018 yang lalu. Jadi, saudara dan saudari merupakan pelajar ambilan pertama bagi UniSHAMS. Oleh yang demikian, saudara dan saudari akan menjadi perintis kepada mahasiwa dan mahasiswa baru UniSHAMS yang akan membawa nama baik universiti ini kepada pihak luar, masyarakat, negara dan juga dunia.

Bagaimana malam pertama kehidupan di asrama?

Saya pasti ramai masih belum membiasakan diri dengan persekitaran di tempat baru. Namun, insyaAllah tidak lama lagi mahasiswa dan mahasiswi akan dapat menerima cara kehidupan yang serba baru ini. Saya juga ingin memohon sekiranya terdapat sebarang permasalahan berkenaan asrama, mohon untuk memaklumkan kepada pihak pentadbiran asrama bagi membantu mereka untuk menyelesaikan permasalahan tersebut. Hal ini penting terutamanya dalam aspek keselamatan pelajar - pelajar di asrama.

Menjejakkan kaki ke universiti merupakan impian bagi kebanyakan insan, tetapi bukan semua orang mendapat peluang tersebut. Mahasiswa dan mahasiswi di hadapan saya ini adalah antara yang terpilih, sedangkan puluhan ribu lagi bersedih kerana tidak dapat merasai kehidupan di kampus.

Dari itu, hargailah peluang yang diberikan ini dengan belajar bersungguh sungguh. Ingatlah kepada ibu bapa yang bersusah payah menghantar saudara dan saudari ke sini.

ان شاء الله تعالى
نظرة دهرية
سنة ودراسة
بطلانها
Saya amat mengharapkan program MSR yang telah diadakan selama 4 hari yang telah bermula pada 23 Jun 2018 dan berakhir pada hari ini memberi manfaat kepada semua mahasiswa dan mahasiswi baru berhubung perjalanan Universiti. Hal ini amatlah penting bagi mengelakkan pelajar baru menghadapi masalah semasa menuntut ilmu, terutama melibatkan hal-hal akademik.

Selain itu, MSR ini juga merupakan satu platform kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan di Universiti. Setelah hampir empat hari menjejakkan kaki di kampus yang tersergam indah ini, mahasiswa dan mahasiswi yang datang dari seluruh

Malaysia, berpeluang berkenalan di antara satu sama lain, dengan satu misi yang sama menempuh cabaran untuk menjadi modal insan yang terbaik bagi menjadi sandaran utama negara di masa hadapan. Justeru itu, kenali dan jadikan mereka ini sebagai rakan dan sahabat untuk meneruskan kehidupan di kampus UniSHAMS yang dicintai ini.

Mahasiswa dan mahasiswi sekalian,

Bersama visi dan misi UniSHAMS, saya yakin dan percaya kita mampu ke hadapan dalam mengejar apa jua yang diinginkan berpandukan Al-Quran dan Al-Hadis yang diwariskan oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.A.W.

Insyallah, sepanjang perjalanan saudara dan saudari di UniSHAMS ini, saudara dan saudari akan disemai dengan perasaan dan semangat untuk memiliki identiti tersendiri. Bagi tujuan tersebut, mahasiswa dan mahasiswi UniSHAMS perlu mempunyai identiti dan tradisi yang dikaitkan dengan budaya ilmu yang mantap, dan menjiwai kecemerlangan.

Di sepanjang perjalanan sebagai mahasiswa, anak-anak pelajar akan menghadapi pelbagai cabaran. Bagi mengatasi cabaran-cabaran itu, perlu ada ciri kesetiaan, pertimbangan yang baik, kerajinan, motivasi diri, optimis, berdaya tahan, bertanggungjawab, dan berkeyakinan tinggi. Anak-anak pelajar juga perlu sedia bertindak balas dengan apa jua cabaran yang mendatang.

Kehidupan di universiti tidak sama seperti di zaman persekolahan dahulu. Di sini, sikap proaktif, toleransi, berfikiran terbuka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang berlaku di sekeliling amat diperlukan. Kehidupan di universiti adalah lembaran baru yang perlu ditempuhi dengan berani.

Para pelajar yang dikasihi sekalian,

Pembentukan identiti, pengukuhan tradisi, dan pengayaan budaya, akan lebih sempurna jika dilengkapi dengan jati diri yang mampu memandu mahasiswa dan mahasiswi menjadi insan yang gemilang. Meningkatkan keperibadian dan memantapkan integriti adalah berpandukan nilai yang berdasarkan aspek ilmu dan kerohanian.

Mahasiswa perlu mempunyai minda terbuka serta mampu menyampaikan pendapat atau pandangan kepada pelbagai pihak tetapi tidak mengetepikan nilai-nilai akhlak sebagai seorang pelajar yang menuntut ilmu pengetahuan. Sifat rendah diri dan saling bersaing untuk mencapai sesuatu tujuan dan matlamat yang positif adalah digalakkan bagi membangkitkan pengaruh keilmuan yang lahir dalam diri seorang yang bergelar mahasiswa.

[HARAPAN KEPADA PELAJAR BARU]

Mahasiswa dan mahasiswi sekalian,

Pada kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk menasihatkan kepada semua mahasiswa dan mahasiswi baru UniSHAMS untuk terus mengamalkan sikap positif serta tekad yang padu untuk berjaya di masa akan datang.

Kelangsungan hidup hari ini, esok dan di masa akan datang secara drastik dan akan merubah kebiasaan hidup anda daripada seorang yang bergelar pelajar di sekolah harian kepada seorang yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di institusi pengajian tinggi.

Mahasiswa dan mahasiswi adalah disarankan untuk belajar bersungguh – sungguh bagi mendapat CGPA yang terbaik untuk bergraduasi. Perkara ini juga akan memenuhi hasrat universiti untuk melahirkan pelajar yang terbaik dan cemerlang.

Kita juga ingin melahirkan graduan minda kelas pertama dengan daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa Arab yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik untuk bersaing di pasaran pekerjaan kelak.

Pihak pengurusan UniSHAMS berharap agar 100% pelajar terlibat dalam kegiatan sukan, kebudayaan, kerja-kerja amal dan masyarakat, serta kita mampu memenangi banyak pingat dan menempa nama dalam pertandingan apa jua pertandingan yang dianjurkan oleh pihak kementerian mahupun diantara universiti.

Saudara dan saudari sekalian,

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UniSHAMS, anda semua harus menjaga nama baik dan imej universiti. Jangan libatkan diri dengan kegiatan-kegiatan dan perlakuan yang tidak bermoral sehingga boleh menjejaskan nama baik dan imej universiti. Segala perilaku dan tingkah laku anda akan sentiasa di pantau oleh pihak universiti. Tidak wujud istilah 'pilih kasih' dalam membicarakan kesalahan yang anda telah dan akan lakukan.

Akhir kalam, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada pengurusan tertinggi dan kakitangan UniSHAMS, fasilitator, penceramah dan terutamanya kepada Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) yang telah turut sama membantu menjayakan MSR sekaligus meraikan pelajar-pelajar baru bagi sesi ini. Kepada semua mahasiswa dan mahasiswi baru, ucapan **Semoga Maju Jaya** pada anda semua, semoga saudara saudari mampu membentuk sahsiah yang terpuji dan sekaligus membina kecemerlangan untuk diri sendiri, keluarga dan semestinya untuk UniSHAMS yang kita kasihi ini.

Handwritten notes:
Kegagalan belajar dan disiplin dan peperiksaan, x hadu
nuklir, mata uyar, mata keranyu & berakur
Huda! 1/4/14
2014/1/20/14
2014/1/20/14

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan penutupan Minggu Silaturrahim Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) bagi sesi kemasukan Jun 2018/2019.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

[TAMAT]

*Pejabat Rektor
Jun 2018*